



**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN  
*INNORACE@IPOH TMP 2024*  
SEMPENA TAHUN MELAWAT PERAK 2024**

---

## **1. PENGENALAN**

- 1.1. Pertandingan ***INNORACE@IPOH TMP 2024*** merupakan sebuah program secara berpasukan yang menguji minda dan ketahanan fizikal para peserta. Ia dianjurkan bersempena **Tahun Melawat Perak 2024**.
- 1.2. Pertandingan ini akan diadakan di sekitar bandar raya Ipoh pada **7 Disember 2024 (Sabtu)** bermula pukul **8.00 pagi hingga 6.00 petang**.

## **2. PENGANJUR**

- 2.1. Program ini dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh dengan kerjasama Persatuan Pegawai Kanan Majlis Bandaraya Ipoh (PADUAN).

## **3. SYARAT PENYERTAAN**

- 3.1. Penyertaan adalah terbuka kepada seluruh warganegara dan bukan warganegara Malaysia yang beraustautin di Malaysia dan mestilah berumur **18 tahun dan ke atas serta fasih bertutur dan membaca dalam Bahasa Malaysia**.
- 3.2. Setiap kumpulan perlu memuat naik salinan **kad pengenalan/passport berpalang** bagi setiap peserta.
- 3.3. Peserta yang menyertai pertandingan ini perlu sihat tubuh badan dan tidak menghidap sebarang penyakit yang kritikal.
- 3.4. Setiap pasukan perlulah terdiri daripada **3 orang ahli sahaja**.
- 3.5. Penyertaan adalah **terhad kepada 100 pasukan sahaja** atau pasukan ke-100 yang mendaftar (*first come first serve*).

#### **4. BORANG DAN YURAN PENYERTAAN**

- 4.1. Peserta perlu mengimbas QR code untuk menyemak syarat pertandingan dan membuat pendaftaran atau layari portal rasmi Majlis Bandaraya Ipoh, [www.mbi.gov.my](http://www.mbi.gov.my).
- 4.2. Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM300.00 setiap pasukan dan tindakan menarik diri akan menyebabkan yuran penyertaan tidak akan dikembalikan.**
- 4.3. **Pendaftaran awal (early bird) sebelum 8 November 2024 (Jumaat)** adalah sebanyak **RM250.00 setiap pasukan.**
- 4.4. Bayaran bagi penyertaan hendaklah dibuat secara terus ke akaun **CIMB 80 0487270 9** (atas nama akaun **PERSATUAN PEGAWAI KANAN MAJLIS BANDARAYA IPOH**)
  - 4.5.1 Peserta perlu meletakkan maklumat seperti berikut;  
**Ref - 1 Nama Kumpulan**  
**Ref - 2 INNORACE@IPOH TMP 2024**

\*\* *Bukti pembayaran perlu di muat naik di dalam google form pendaftaran yang disediakan\*\**

\*\* *Peserta perlu mengemukakan slip pembayaran sebagai bukti pembayaran semasa mengambil kit penyertaan\*\**
- 4.5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **22 November 2024 (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang** atau pasukan ke-100 yang mendaftar (*first come first serve*).
- 4.6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pertandingan ini boleh menghubungi pihak urus setia pertandingan **Bahagian Pengurusan Kualiti dan Penerbitan, Jabatan Perancangan Korporat** di talian **05-208 3250 / 3650** atau boleh menghubungi menerusi nombor whatapps 019-410 5166.

#### **5. HADIAH PERTANDINGAN**

- 5.1 Pemenang Pertandingan **INNORACE@IPOH TMP 2024** akan menerima hadiah seperti berikut;
  - 5.1.1 Tempat Pertama RM3,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan
  - 5.1.2 Tempat Kedua RM2,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan
  - 5.1.3 Tempat Ketiga RM1,500.00 + Piala + Sijil Penyertaan
  - 5.1.4 Tempat ke-4 hingga ke-15 RM200.00 + Sijil Penyertaan

## **6. TAKLIMAT PERTANDINGAN**

- 6.1. Taklimat kepada Ketua Kumpulan akan diadakan pada **6 Disember 2024 (Jumaat) jam 5.00 petang di Bilik Gerakan, Tingkat 2, Majlis Bandaraya Ipoh.**

*\*\*Jadual dan tentatif program tertakluk kepada sebarang perubahan berdasarkan penyertaan. Sebarang perubahan yang berlaku akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh pihak pengajur \*\**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN PERTANDINGAN**

### **7. BAJU – T DAN TAG**

- 7.1. Semua peserta akan diberikan satu (1) baju T-shirt dan tag bernombor setiap seorang untuk dipakai sepanjang tempoh pertandingan.

### **8. KIT PENYERTAAN**

- 8.1. Peserta boleh mengambil kit penyertaan termasuk baju T-shirt, tag bernombor dan pelekat kenderaan di **Bilik Gerakan, Tingkat 2, Majlis Bandaraya Ipoh.**

### **9. KELAYAKAN KENDERAAN**

- 9.1. Semua kereta yang mengambil bahagian mestilah mematuhi Akta Pengangkutan Jalan.

### **10. KESELAMATAN**

- 10.1. **INNORACE@IPOH TMP 2024** bukanlah perlumbaan dan kelajuan tidak akan menyumbang sepenuhnya kepada kemenangan. Kesalahan memandu kereta laju boleh mengakibatkan mata penalti dan hilang kelayakan.
- 10.2. Adalah disyorkan agar kereta dilengkapi alat keselamatan seperti pemadam api, peti pertolongan cemas dan sebagainya.

## **11. INSURANS DAN INDEMNITI**

- 11.1. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan yang mungkin dialami peserta atau kereta semasa pertandingan tersebut.
- 11.2. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan diri sendiri dan tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap penganjur.
- 11.3. Peserta (pemandu) mesti memiliki polisi insuran bagi melindungi mereka terhadap liabiliti pihak ketiga.

## **12. TAFSIRAN PERATURAN**

- 12.1. Peraturan tambahan (jika ada) akan dikeluarkan semasa taklimat pada **6 Disember 2024 (Jumaat)** dan **7 Disember 2024 (Sabtu)** kepada semua peserta.
- 12.2. Segala terma dan syarat di dalam pertandingan ini dan keputusan yang dibuat oleh hakim adalah muktamad. Pihak Urus Setia tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.

## **13. PENGINAPAN DAN KOS PERBELANJAAN**

- 13.1. Peserta perlu mengatur penginapan sendiri. Segala kos sepanjang pertandingan adalah tanggungan peserta masing-masing.

## **14. HAK PENGANJUR**

- 14.1. Penganjur mengekalkan hak untuk:-
  - a. menolak sebarang penyertaan;
  - b. membatalkan atau menangguhkan pertandingan tanpa sebarang notis atas sebab yang tidak dapat dielakkan;
  - c. menafikan penyertaan mana-mana orang atau kereta selepas pemeriksaan yang menunjukkan ketidaklayakan mereka;
  - d. Menafikan penyertaan mana-mana orang yang dirasakan tidak sesuai untuk penyertaan atas sebab kesihatan, kecacatan atau kestabilan kerana berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah; dan
  - e. menolak mana-mana peserta yang membawa bersama penumpang tambahan yang namanya tidak didaftarkan sebagai peserta.